

Nasional

Tingkat kefahaman sistem beraja

Bangi: Malaysia perlu mewujudkan institusi yang berperanan memberi kefahaman kepada rakyat berhubung konsep dan sistem Raja-Raja Melayu.

Penerbit Eksekutif Dinasti Teratai Publication Sdn Bhd, Mohd Bokhari Abdullah, berkata pemahaman sistem Raja-Raja Melayu termasuk salasilah dan asal-usul sangat penting untuk menumbulkan rasa keintinan terhadap institusi itu.

"Saya melihat kefahaman rakyat berhubung sejarah mengenai kesultanan dan Raja Melayu masih samar khusus kepada generasi muda disebabkan tidak ada usaha mendekatkan sejarah itu kepada rakyat.

"Rukun Negara kedua, iaitu 'Kesetiaan Kepada Raja dan Negara' dicetak di buku sekolah tetapi pengertiannya tidak disampaikan dengan baik kepada pelajar; sekali gus hanya menjadi baris perkataan yang sedap dibaca semata-mata," katanya pada Wacana Sejarah Sejarah Institusi Raja-Raja Melayu di Nusantara: Antara Kuasa dan Kedaulatan di Universiti Kebangsaan Malaysia di sini, semalam.

Mohd Bokhari berkata, badan yang dapat menghubungkan institusi Raja dengan rakyat khususnya generasi muda penting kerana institusi itu perlu memiliki pengikut setia.

Badan yang dapat menghubungkan institusi Raja dengan rakyat khususnya generasi muda penting kerana institusi itu perlu memiliki pengikut setia.

Mohd Bokhari Abdullah,
Penerbit Eksekutif Dinasti Teratai Publication Sdn Bhd



Moderator, Nazri Kahar bersama Anwar Omar, Zainal Kling, Rahman Omar dan Mohd Bokhari pada Wacana Sejarah Institusi Raja-Raja Melayu di Nusantara: Antara Kuasa dan Kedaulatan di UKM, Bangi, semalam. (Foto: Raveh/instansi.gov)

Raja imbangi kuasa

Institusi berhak campur tangan dalam pentadbiran

Oleh Siti Fatimah Mohamed Arwar
ctfa@bh.com.my

Bangi: Kedaulatan institusi Raja di negara ini perlu dipelihara kerana ia mematuikan peranan besar untuk mengimbangi kuasa pemerintah termasuk dalam sebarang keputusan atau dasar yang diputuskan kerajaan.

Penyandang Kursi Institusi Raja-raja Melayu Universiti Teknologi MARA (UiTM), Prof Emeritus Datuk Dr Zainal Kling, berkata dalam sistem pemerintahan di negara ini, Raja menjadi ketua negara, manakala Perdana Menteri ialah ketua pentadbiran.

Zainal berkata, ia meletakkan institusi itu sebagai sebahagian daripada Perlembagaan Persekutuan yang memayungi rakyat.

"Sejak dahulu, perjanjian Raja dan rakyat seperti pohon dan akar yang pohon tidak akan hidup jika tiada akar dan begitu sebaliknya.

"Kedua-dua pihak perlu sentiasa menghormati kedudukan masing-masing, iaitu sebagai ketua dan pengikut.

"Oleh itu, Raja di negara ini tidak mempunyai kuasa mutlak kerana institusi ini sentiasa berunding dengan pembesarnya (pemimpin) atau mendapatkan (pendangan) rakyat dalam melaksanakan kekuasaannya dan dipraktikkan sejak dahulu," katanya pada Wacana Sejarah Institusi Raja-Raja Melayu Di Nusantara: Antara Kuasa dan Kedaulatan di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) di sini, semalam.

Wacana itu turut menampilkan ahli panel, Prof Adjung ATMA

UKM, Datuk Dr Anwar Omar Din dan pengasas serta penerbit Dinasti Teratai Publication, Mohd Bokhari Abdullah.

Zainal berkata, kuasa mutlak atau eksekutif yang ada pada institusi raja itu boleh diperturunkan kepada jemaah menteri atau pihak lain.

"Kebanyakan orang ingat Raja Berperlembagaan itu kena ikut sahaja nasihat (kerajaan). Itu tidak benar kerana institusi ini mempunyai kuasa untuk campur tangan sekiranya mereka mengkehendaki demikian kerana ada banyak kuasa boleh digunakan dalam Perlembagaan untuk tujuan berkenaan.

"Namun, institusi Raja kita amat baik kerana mereka tidak sewenang-wenangnya menggunakan kuasa untuk campur tangan (pentadbiran kerajaan), sedangkan kuasa yang ada di tangan Raja cukup banyak seperti dalam Perlembagaan.

"Malah, sekarang rakyat sudah

menyadari hal itu, sekali gus ia menjadikan institusi ini sebagai saluran ketiga untuk rakyat menyelesaikan masalah," katanya.

Beliau berkata, pemerintahan demokrasi membahagikan urusan dalam negara kepada tiga cabang utama, iaitu pemerintahan (eksekutif), perundangan (legislatif) dan kehakiman.

"Raja sebahagian Perlembagaan, jadi segala undang-undang yang dibuat di Parlimen mesti mendapat persetujuan Raja," katanya.

Beliau berkata, semua pihak harus menyedari peranan institusi Raja sangat besar untuk 'semak dan imbang' pentadbiran negara.

"Oleh itu, Perdana Menteri akan menghadap Yang di-Pertuan Agong setiap minggu untuk memuktamadkan apa diputuskan kerajaan termasuk soal dasar Pahang masa ini, ramai orang mengangap demokrasi adalah hak mutlak rakyat walhal tidak," katanya.

Tubuh badan khas kaji fakta sejarah negara

Bangi: Jawatankuasa khas perlu ditubuhkan untuk menyemak semula penulisan berkaitan sejarah negara termasuk fakta yang terkandung dalam sukatan buku teks sekolah.

Pengarah sejarah, Rahman Omar, berkata jawatan khas ini boleh melihat dan menyemak semua penulisan sejarah terutama membolehkan Perjanjian Pangkor pada 1874, Perjanjian Malayan (1946) dan Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu (1948).

"Semakan ini penting kerana

pada masa ini rakyat sudah sudah diberi semacam satu acuan pemikiran bahawa kita memerdekakan diri daripada belenggu British, sedangkan ia tidak pernah menjajah kita, selain Malayan Union iaitu pada 1946 hingga 1948 tetapi itu pun tidak sepenuhnya.

"Pada masa itu Malayan Union hanya mengurangkan kuasa Raja dan menambatkan kuasa British dalam pentadbiran Tanah Melayu hingga kita tidak nampak langsung peranan dimainkan Raja.

"Sedangkan Raja Melayu ber-

binang dengan British untuk memberi kuasa pentadbiran kepada satu kerajaan yang dipilih untuk rakyat bagi menggantikan British, itulah sebenarnya yang di-bincangkan," katanya pada dalam Wacana Sejarah Institusi Raja-Raja Melayu di Nusantara: Antara Kuasa dan Kedaulatan di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) di sini, semalam.

Rahman berkata, sekiranya fakta bahawa negara tidak pernah dijajah British tidak difahami, ia akan terus menumbulkan polemik sejarah

"Disebabkan itu, wujud dakwaan mengatakan polis yang mati di Bukit Kepong sebagai anjing British dan pejuang sebenar ialah Mat Indera.

"Ketika polemik ini muncul ramai yang tidak dapat menjawab kerana kita tidak betul-betul faham sejarah.

"Pada masa itu, Johor adalah antara negeri di Tanah Melayu yang berdaulat, sedangkan yang tidak berdaulat hanya Negeri Sembilan, Pulau Pinang dan Singapura," katanya.

Beliau berkata, sejak dahulu ke-

rajaan memperjuangkan semangat nasionalisme, iaitu berjuang mendapatkan kemerdekaan tanpa pertunpahan darah tetapi tidak dijelaskan dengan mendalam.

"Justeru, wajar untuk wujudkan gerakan atau usaha untuk membawa balik dokumen dan perjanjian terdahulu untuk disemak serta diterangkan satu persatu.

"Ia penting bagi membuktikan fakta sebenar termasuk siapa yang memegang kuasa, dapat kuasa dan kedudukan Sultan ketika itu sehingga kemerdekaan," katanya.